



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7/3/2013

Risik sebelum ceroboh kampung

BH-7/3/2013

Lahad Datu: Pengganas dari selatan Filipina dipercayai sudah membuat risikan dan rancangan rapi sebelum menceroboh Kampung Tanduo, Felda Sahabat 17, dekat sini, Februari lalu.

Mereka dipercayai memilih kampung itu berdasarkan mukanya berbukit-bukau dan ka-

wasan lapang di kaki bukit, selain kebanyakan penduduk adalah kaum Sulu yang bermastautin di negara ini.

Kumpulan pengganas terbabit juga dipercayai mengatur strategi bertahan jika dikepung pasukan keselamatan dan cara melepaskan diri jika diserang.

Cekap baca lokasi

"Kita tak boleh anggap mereka musuh yang tidak ada apa-apa. Mereka cekap membaca lokasi untuk bertahan dan melancarkan serangan," katanya, semalam.

Bagaimanapun, sumber itu enggan mengulas ketika ditanya dakwaan kononnya pengganas

Sumber polis memberitahu BH, pengganas juga mempunyai pengalaman melancarkan perang gerila, iaitu kaedah digunakan bagi menentang tentera Kerajaan Filipina di selatan negara berkenaan sejak berpuluh tahun dulu.

turut memiliki ilmu kebatinan yang menjadikan mereka berani melancarkan perang.

"Itu sukar dijelaskan kerana kita pun tak pernah tahu tetapi yang penting, bagaimana kita hendak menentang mereka di bumi kita sendiri," katanya.

"Mereka cekap membaca lokasi untuk bertahan dan lancar serangan"

Sumber polis

Sehubungan itu beliau berkata, usaha memantapkan kawalan perairan pantai timur Sabah amat penting bagi menghalang kemasukan lebih ramai pengganas asing pada masa depan.

Katanya, pasukan keselamatan perlu memastikan tiada ruang untuk pengganas mendarat di pantai Tambisan, iaitu perkampungan nelayan di barat laut daerah ini, kira-kira 30 kilometer dari Kampung Tanduo.

"Pasukan keselamatan kita mampu menangani mereka tetapi kita harus berhati-hati kerana lawan kita bukan calang-calang orang," katanya.